



بُولْتِينِ إِسْلَامِيَّةٍ كَاهِيْرَةٍ إِسْلَامِيَّةٍ سَارَوَاقَةٍ

Buletin IKMAS JAKIM

جاواري-مي جلد الآخر - شوال 1443 هجرة

BIL. 1 / 2022

SCAN ME



Laman Sesawang:
myikmas.islam.gov.my



PROGRAM KESYUKURAN
IKMAS BERSAMA AHLI
LEMBAGA DAN KOMUNITI



MESYUARAT JAWATANKUSA
PENASIHAT AKADEMIK (JKPA)
IKMAS KALI KE-19



LAWATAN KERJA RASMI
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN) JAKIM KE IKMAS



MAJLIS KHATAM HAFAZAN
AL-QURAN PELAJAR DIPLOMA
TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT



<https://myikmas.islam.gov.my>



ikmassarawak



myikmas

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBRS. USTAZ KAMALDIN BIN MOHD DAMIN

PENASIHAT

USTAZAH KARTINI BINTI HAJI AHMAD
USTAZ AINUDDIN BIN HAJI DOLHAKIM
USTAZ ABANG ZAINAL ABIDIN BIN ABANG
ARIFFIN
USTAZ ABDUL RAHIM BIN OTHMAN
USTAZAH SITI NAZIRAH BINTI MOHD YUSOFF
USTAZAH SITI NUR HIDAYAH BINTI KUSNIN

KETUA EDITOR

USTAZAH ARMI BINTI HALIT

PENOLONG KETUA EDITOR

USTAZ SHUHAIB BIN SUPANI

KONSEP & LAYOUT

USTAZ MUHAMMAD FAIZUL BIN KANAINI

KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN

USTAZAH DYG. ADLIN LINA BINTI ABANG
HWAN ZAINI

JURUFOTO

USTAZ MOHD SAFWAN BIN ISMAIL
USTAZ IRWANDY BIN SARKAWI

PENGHARGAAN ISTIMEWA

PEJABAT PENGARAH
BAHAGIAN PENDAFTAR
BAHAGIAN AKADEMIK
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN
UNIT JAMINAN KUALITI
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI:

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA
SARAWAK (IKMAS)
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
(JAKIM)
PETI SURAT 2867, JALAN MATANG,
TELAGA AIR 93050 KUCHING
SARAWAK

(U/P : UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)
TEL : 082-843477, 475
FAKS : 082-843440, 439
EMEL : penerbitanikmas@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sirih Pengarah IKMAS	3
Kalam Ketua Editor	3
Tokoh Alumni IKMAS	4
Program Kesyukuran IKMAS Bersama Ahli Lembaga dan Komuniti	5
Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) IKMAS Kali Ke-19	5
Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Ketua Pengarah JAKIM	6
Majlis Khatam Hafazan Al-Quran IKMAS	6
Eksekutif Talk Bersama Rektor KUIS	7
Kursus Pembacaan Doa Berkualiti	7
Perbincangan Kerjasama IKMAS dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak	8
Perbincangan Bersama SHOAW	8
Kursus Pemantapan Integriti	9
Kursus Asas Reka Bentuk Grafik	9
Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	10
Bengkel Pengemaskinian MyPortfolio IKMAS	10
Kursus Pemantapan Akidah	11
Kursus Metodologi Dakwah	11
Kursus Minda Sejahtera	12
Kursus Budaya Kerja Cemerlang	12
Bengkel Semakan Kurikulum Diploma Dakwah Islamiyyah	13
Seminar Menangkis Fahaman Liberal	13
Kem Kepimpinan Mahasiswa IKMAS (KARISMA)	14
Pendaftaran Kursus Pelajar Semester 2	14
Diploma Dakwah Islamiyyah ke CENTEXS	
Info Ramadan	15
Lawatan Kerja Agensi Luar ke IKMAS	16
Lawatan Kerja IKMAS ke Agensi Luar	17
Sukan IKMAS (SUKMAS)	18
Artikel Staf	19
Sekalung Tahniah dan Selamat Datang	20
Jasamu Dikenang dan Puisi	21
Lensa IKMAS	22
Lensa IKMAS	23
Jom Masuk IKMAS	24



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulilah setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat, izin dan inayah-Nya maka dapat kita meneruskan penerbitan Buletin IKMAS ini bagi tahun 2022.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada ketua editor dan sidang redaksi yang telah berusaha bertungkus-lumus, menggembrelleng usaha dan tenaga bagi menjayakan penghasilan Buletin IKMAS yang telah diterbitkan sejak tahun 2019. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan sehingga buletin ini mampu mencapai tahap yang amat baik pada saat ini.

Buletin IKMAS yang sarat dengan pelbagai berita, aktiviti dan program pencapaian warga kerja dan pelajar IKMAS; mampu menjadi satu media cetak dan platform untuk melakarkan sejarah, kisah dan pencapaian penting institusi ini dalam menghalatujukan jabatan ke arah yang lebih cemerlang.

Ini adalah suatu kejayaan yang dapat kita banggakan kerana usaha ini memerlukan masa, tenaga dan keringat serta buah fikiran yang amat bernas bagi menerbitkan satu buletin yang akan menjadi ingatan dan kenangan buat semua warga IKMAS.

Penerbitan Buletin IKMAS Bil. 1/2022 ini akan dapat membantu semua lapisan masyarakat di seluruh Sarawak untuk mengetahui informasi terkini berkaitan IKMAS dan seterusnya menjadikan IKMAS sebagai institusi pengajian Islam pilihan pertama buat anak-anak mereka menimba ilmu pengetahuan dunia dan ukhrawi. Harapan saya kepada semua warga kerja, pelajar IKMAS dan para pembaca, Selamat Maju Jaya dan jadikan IKMAS sebagai sumber inspirasi anda!

Kalam Ketua Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulilah, segala puji hanya bagi Allah SWT, tuhan sekalian alam. Syukur dipanjangkan kepada Allah SWT kerana dengan izinNya, Buletin IKMAS Bil.1/2022 telah berjaya diterbitkan dengan pelbagai aktiviti dan program anjuran IKMAS bagi bulan Januari hingga Mei 2022.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Yang Berusaha Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS atas peluang, ruang dan kepercayaan yang diberikan kepada Unit Komunikasi Korporat IKMAS bagi penerbitan Buletin IKMAS pada kali ini.

Siring dengan IKMAS yang berfungsi sebagai pusat pengajian Islam yang menawarkan kursus dalam bidang dakwah dan tahfiz al-Quran, IKMAS ingin mengetengahkan segala usaha dan pencapaian aktiviti dan program anjuran IKMAS dan diterjemahkan ke dalam satu naskhah istimewa yang mampu diabadikan dan disimpan sebagai satu kenangan. Begitu juga fungsi IKMAS sebagai pusat latihan Islam yang menawarkan pelbagai kursus jangka pendek kepada semua penjawat awam yang terdiri daripada sektor kerajaan, swasta, dan NGO termasuk komuniti setempat yang akan mampu memacu IKMAS ke arah kecemerlangan dari sudut latihan dan pembangunan insan serta terkenal di seantero Borneo.

Justeru itu, penerbitan buletin IKMAS ini adalah suatu usaha yang unggul dalam memartabatkan fungsi IKMAS sebagai Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) dan pusat latihan Islam yang cemerlang; sekaligus mempromosikan IKMAS ke seluruh Sarawak dan Malaysia.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli sidang redaksi serta warga IKMAS yang telah menggembrelleng tenaga dan usaha dalam menjayakan penerbitan buletin ini tanpa mengira penat dan lelah. Semoga usaha murni ini akan mendapat ganjaran pahala disisi Allah SWT dan menjadi tatapan dan kenangan sepanjang zaman.



KENALI TOKOH ALUMNI IKMAS

(USTAZ MUJAHID UNIMAS)

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- SK Agama (MIS), Sarikei
- SMK Agama Sri Aman, Saratok
- Diploma Pengajian Islam dan Dakwah, IKMAS - Master of Islamic Studies, OUM, Apel-A (Sedang dalam pengajian)

KERJAYA

- Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD), Unit Takmir Negeri Sarawak
- Pembantu Hal Ehwal Islam (Kader JAKIM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Miri
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS), UNIMAS (Kini)

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU 2019)
- Panelis Multireligious Forum (MRF), Sarawak Islamic Center (Kasih Kenyalang-TV al-Hijrah)
- Penceramah Maulidur Rasul 'Kekasih Allah' & 'Cinta Luar Biasa' (Sarawak.fm & TV1)
- Panelis Jemputan Sejahtera Asia 'Menghayati Erti Hijrah' & 'Kalam Wahyu Petunjuk Kehidupan' (TV5)
- Personaliti Dakwah Radio, Slot RAIIE, Tazkirah dan Sumur Inspirasi (Sarawak.fm)
- Personaliti Dakwah Radio, Slot Sirah dan Tazkirah Ramadan (Sibu.fm)
- Pentazkirah Jemputan (UNIMAS.fm) Bahagian Wakaf dan Endowmen
- Panel Penasihat Diploma Dakwah Islamiyyah, IKMAS
- Panel Jemputan di Pusat Tanggungjawab UNIMAS, agensi kerajaan dan swasta serta Masjid/Surau sekitar Kuching, Samarahan, Bintulu, Miri dan Sibu bagi tazkirah, forum, ceramah kuliah dan sebagainya.



Sesi temubual yang dijalankan bersama Ustaz Wan Muhammad Mujahid bin Wan Alwi.

HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

Kewujudan IKMAS amat dirasai apabila melihat kepada keberadaan graduan IKMAS mengisi ruang-ruang penjawatan awam dan swasta sama ada peringkat negeri atau persekutuan di samping mengisi ruang-ruang kuliah Masjid dan Surau. Elektif kemahiran yang dipelajari di IKMAS turut membantu mempertonjolkan graduan IKMAS di Sarawak.

IKMAS perlu memberikan penekanan panduan agar graduan IKMAS mampu memilih peluang akademik ataupun kerjaya. Agar mereka lebih berkarisma dan profesional.

IKMAS akan lebih ke hadapan dalam melahirkan daie yang berkualiti. Masyarakat luar memandang tinggi kepada IKMAS. Tunjukkan apa yang IKMAS telah persiapkan. Sebagai pelajar jadikan IKMAS sebagai 'tiram', dan anda sebagai 'mutiara' yang amat bernilai pada pandangan masyarakat.

PROGRAM KESYUKURAN IKMAS BERSAMA AHLI LEMBAGA DAN KOMUNITI

24 Mei 2022 – IKMAS telah meraikan sambutan Program Kesyukuran IKMAS bersama Ahli Lembaga dan Komuniti bertujuan bukan sahaja untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri, tetapi ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga IKMAS dan komuniti setempat.

Suasana meriah sambutan ini disambut bersama-sama YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak. Turut sama memeriahkan majlis ini ialah YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Yasin, Mufti Negeri Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ie, Pengarah JAKIM Sarawak, YBrs. Ustaz Awang Dulhadi bin Awang Mat, Pengarah YADIM Sarawak, YBrs. Dr. Dayang Hanani binti Abang Ibrahim, Timbalan Pengarah CENTEXS, YBrs. Encik Rabian bin Haji Kipli, Konsler Kampung Telaga Air serta tetamu jemputan lain.

Majlis ini turut menyajikan pelbagai juadah Hari Raya kepada para tetamu yang hadir di samping diserikan dengan persembahan hiburan nasyid daripada kumpulan nasyid Soutul Faizin dari IKMAS.

Tahniah kepada seluruh warga IKMAS yang telah bertungkus-lumus menyediakan pelbagai persiapan dan juadah raya.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK (JKPA) IKMAS KALI KE-19



30 Mei 2022 - Mesyuarat JKPA IKMAS Kali Ke-19 telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JAKIM bertempat di Bilik Mesyuarat JAKIM Sarawak.

Hadir bersama YBhg. Dr. Haji Akbar bin Ibrahim, YBhg. Dato' Dr. Zulkiple bin Abd Ghani, USIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Busari, Pengarah PITAS UNIMAS, YBhg. Ustaz Mohd Kori bin Jusoh, Pengarah DQ, dan YBhg. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS.

Mesyuarat tersebut bertujuan mengesahkan keputusan peperiksaan akhir program Diploma Dakwah Islamiyyah dan Sijil Pengajian Islam.



LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN JAKIM KE IKMAS

12 April 2022 - Satu Lawatan Kerja Rasmi oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Apandi, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM ke IKMAS telah berlangsung selama dua hari bermula 11 April hingga 12 April 2022. Turut hadir bersama dalam sesi lawatan kerja ini adalah Encik Nik Ridzuan bin Nik Yaacob, Pengarah Bahagian Kewangan JAKIM, Pegawai Bahagian Kewangan, Perolehan, Pembangunan, Aset dan Khidmat Pengurusan, dan Encik Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.

Hari yang pertama menyaksikan sesi perbincangan bersama JAKIM Sarawak dan IKMAS berkenaan dengan pengurusan kewangan dan seterusnya diadakan sesi walkabout di sekitar IKMAS iaitu lawatan meninjau keadaan infrastruktur dan fasiliti di IKMAS. Pada hari berikutnya pula adalah sesi perbincangan tentang pengurusan kenderaan, aset dan stor. Dalam sesi akhir lawatan kerja ini, beliau beserta ahli rombongan turut dibawa ke taklimat dan lawatan ke tapak Projek Pembinaan Fasa Kedua IKMAS.

Semoga dengan lawatan ini, hubungan antara barisan pengurusan pimpinan tertinggi JAKIM dan IKMAS akan terus diperkuuh.



MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN IKMAS 2022



1 April 2022 - Majlis Khatam Hafazan al-Quran IKMAS 2022 bertemakan "Huffaz Milenial, Berjiwa Daie" telah diadakan bertempat di Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan menghayati al-Quran dalam kehidupan sekaligus melahirkan insan yang celik al-Quran, memberi penghargaan dan melahirkan pelajar tahun akhir yang telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dan menanam sifat cintakan al-Quran dalam kalangan warga IKMAS.



Seramai 15 orang pelajar yang terdiri daripada 4 orang pelajar lelaki dan 11 orang pelajar perempuan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Semester 6 telah berjaya menamatkan hafalan al-Quran mereka dan seterusnya diraikan sebagai Hafiz dan Hafizah.



Program ini dirasmikan oleh YBrs. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS. Antara intipati amanat Pengarah IKMAS ialah beliau mengucapkan tahniah kepada para pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang telah berjaya menamatkan hafazan al-Quran sebanyak 30 juzuk dalam tempoh 6 semester (3 tahun) dengan jayanya. Sesungguhnya dengan kejayaan para huffaz ini memberi semangat dan motivasi kepada semua pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan Diploma Dakwah Islamiyyah untuk bersungguh-sungguh dan tekun dalam apa jua bidang yang diceburi.

Majlis mengalu-alukan kehadiran YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, YBrs. Ustaz Awang Dolhadi bin Awang Mat, Pengarah Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM) Negeri Sarawak, YBrs. Ustazah Kartini binti Hj. Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS, Ketua-ketua Bahagian, kakitangan IKMAS serta ibu bapa pelajar yang diraikan.

EKSEKUTIF TALK BERSAMA REKTOR KUIS

2 Mac 2022 - Unit Komunikasi Korporat dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar IKMAS telah menganjurkan program Eksekutif Talk Bersama Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bertajuk "Israk dan Mikraj Dicakna: Belia Hala Kemana?" bertempat di Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2. Program ini telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan IKMAS serta pelajar-pelajar IKMAS.

YBhg. Prof Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Rektor KUIS telah menyampaikan ceramah dan amanat beliau kepada para pelajar IKMAS sebagai satu suntikan motivasi dan semangat dalam mengharungi kehidupan sebagai mahasiswa dan belia.



Kursus Pembacaan Doa Berkualiti

20 Januari 2022 - IKMAS telah menganjurkan Kursus Pembacaan Doa Berkualiti yang bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta tentang pembacaan doa berkualiti terutama dalam majlis rasmi dan tidak rasmi, memahami kaedah pemilihan doa yang bersesuaian dan profesional sebagai pembaca doa.

Kursus pembuka tirai tahun 2022 ini sangat mendapat sambutan dari pelbagai agensi kerajaan sehingga melebihi sasaran sebenar Jabatan yang mana telah dihadiri oleh seramai 131 orang peserta yang terdiri dari pelbagai latar belakang pekerjaan seperti kader JAKIM, para daie, agensi agama mahupun pasukan beruniform.

Penceramah jemputan bagi kursus ini ialah YBhg. Sahibul Fadilah Dato Haji Mustapha Kamal bin Haji Ahmad Fauzi, Imam Besar Negeri Sarawak.

Semoga kursus ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran menyampaikan doa berkualiti yang amat berguna kepada para peserta kursus.



Perbincangan Kerjasama IKMAS Dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

8 Februari 2022 – Satu perbincangan bersama YBhg. Tuan Haji Hossen bin Haji Marip, Ketua Sektor Pendidikan Islam JPNS dan dihadiri oleh YBrs. Encik Ainuddin bin Haji Dolhakim, Pendaftar IKMAS, Encik Sulaiman bin Hasim, Penolong Pengarah Unit Pembangunan Program Adab dan Nilai, dan Encik Nortarmizee bin Daud, Unit Multimedia dan Pengambilan IKMAS di Pejabat Ketua Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Antara fokus perbincangan adalah mengenai tawaran kemasukan pelajar sekolah-sekolah Menengah Agama dan Kelas Aliran Agama untuk program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan Diploma Dakwah Islamiyyah. Semoga perbincangan kedua-dua pihak mendapat barakah dan rahmat Allah SWT.



PERBINCANGAN BERSAMA SHOAW

8 Mac 2022 - Satu perbincangan telah berlangsung bersama rombongan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) bertempat di Bilik Mesyuarat Pengarah, IKMAS Kampus 1.

Tujuan perbincangan ini adalah bagi mewujudkan jaringan kerjasama jangka panjang program Diploma Tahfiz al-Quran serta perbincangan berkenaan pengambilan pelajar baharu.

Rombongan dari SHOAW diketuai oleh Pengetua beserta tiga orang pegawai. Turut hadir dalam perbincangan tersebut adalah Ustaz Ainuddin bin Haji Dolhakim, Ketua Sektor Pengurusan IKMAS, Ustaz Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin, Ketua Bahagian Akademik IKMAS dan Ustaz Abdul Rahim bin Othman, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar IKMAS.

Semoga dengan pertemuan ini dapat mengeratkan ukhuwah dan kerjasama di antara IKMAS dan SHOAW.



KURSUS PEMANTAPAN INTEGRITI



24 Februari 2022 – IKMAS telah berjaya menganjurkan Kursus Pemantapan Integriti bertempat di Auditorium al-Wadi, IKMAS Kampus 2.

Penceramah jemputan yang didatangkan khas adalah Tuan Azman bin Ngaridi, Penolong Penguasa, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Para peserta kursus adalah terdiri dalam kalangan warga kerja IKMAS.

Semoga dengan inisiatif menerusi penganjuran kursus ini; hasrat untuk menjadikan negara yang bebas rasuah dan berintegriti akan tercapai.



KURSUS ASAS REKA BENTUK GRAFIK

27 Januari 2022 - IKMAS telah menganjurkan Kursus Asas Reka Bentuk Grafik bertempat di Makmal Komputer, IKMAS Kampus 1 iaitu secara bersempena mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Antara objektif kursus ini ialah membantu kakitangan dan para pelajar menggunakan teknologi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), memberi pendedahan mengguna dan mengaplikasikan perisian untuk menghasilkan poster.

Kursus ini mendapat sambutan yang amat baik daripada para peserta. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 17 orang kakitangan IKMAS dan 13 orang pelajar. Penceramah jemputan bagi kursus ini ialah Cik Noraziah binti Mohd Razali dan Encik Clement Jimel, Pensyarah Kanan Fakulti Seni Lukis dan Seni Bina dari Universiti Teknologi Mara (UITM) Kampus Samarahan.

Semoga kursus ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam menghasilkan poster yang menarik dan berkualiti.



Kursus Pengurusan Fail dan Rekod

25 Februari 2022 - Kursus Pengurusan Fail dan Rekod telah dianjurkan bertempat di Mini Auditorium, IKMAS Kampus 1 mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Kursus ini terbahagi kepada tiga slot iaitu ‘Pengenalan kepada Pengurusan Rekod Kerajaan’, ‘Pewujudan, Penawanan dan Penutupan Fail’ dan ‘Kawalan dan Pengurusan Registri’. Penceramah jemputan ialah YBrs. Encik Robin George dari Arkib Negara Malaysia, Cawangan Sarawak.

Semua pegawai dan kakitangan IKMAS telah menghadiri kursus ini.



BENGKEL PENGEMASKINIAN MYPORFOLIO IKMAS

21 April 2022 - Bahagian Pendaftar telah menganjurkan Bengkel Pengemaskinian MyPortfolio selama dua hari iaitu pada 20 dan 21 April 2022 bertempat di Dewan Serbaguna, IKMAS Kampus 2.

Bengkel ini telah dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan tetap/kontrak. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengemaskini maklumat tugas, jawatan, proses kerja dan carta alir bahagian-bahagian di IKMAS setelah berlaku perubahan pada carta organisasi. Sesi pembentangan pula diadakan pada hari kedua untuk menyemak semula maklumat yang telah dikemaskini dalam dokumen MyPortfolio.

Bengkel ini mengalu-alukan kehadiran YBrs. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS.

KURSUS PEMANTAPAN AKIDAH

3 Februari 2022 - IKMAS telah berjaya menganjurkan Kursus Pemantapan Akidah secara bersemuka bertempat di Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2 mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Kursus ini diadakan bagi memberikan pendedahan tentang fahaman dan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah, pengukuhan Akidah terhadap Sifat 20 Allah SWT sebagai landasan asas Iman dalam Islam dan membenteng umat Islam dari terjerumus dan terlibat dalam ajaran sesat serta peka terhadap isu-isu semasa. Seramai 80 orang peserta dalam kalangan pelajar dan kakitangan IKMAS telah menghadiri kursus ini dengan jayanya.

Penceramah jemputan bagi kursus pada kali ini ialah YBrs. Tuan Hj. Mahfuz bin Muhammad, Mantan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YBrs. Tuan Haji Muhammad Ihsan bin Haji Haidzir, Timbalan Imam Besar Negeri Sarawak, Majlis Islam Sarawak (MIS) dan YBrs. Ustaz Afizulhadi bin Deli, Bahagian Penguatkuasaan Syariah, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).

Diharapkan agar kursus ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan para peserta kursus berkaitan ilmu Akidah Islam.



KURSUS METODOLOGI DAKWAH

17 Februari 2022 - Cawangan Pembangunan Komuniti, Bahagian Pembangunan Insan IKMAS telah menganjurkan Kursus Metodologi Dakwah bertempat di Dewan Serbaguna, IKMAS Kampus 2 selama dua hari bermula 16 hingga 17 Februari 2022. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta metodologi dakwah yang sesuai di tempat yang tepat pada kumpulan sasar yang dikenalpasti, memperkasa kreativiti dakwah masa kini dan pemilihan medium komunikasi yang betul serta kemahiran berinteraksi setelah mengambil kira tradisi dan budaya masyarakat yang disasarkan.

Antara penceramah jemputan adalah Ustaz Madihi bin Jamali bagi slot Dakwah dalam Konteks Masyarakat Majmuk, Ustaz Yakub bin Abdullah, Dakwah Gaya Rasulullah (Tasamu dalam Dakwah), Ustaz Mohd Amir Ridhwan bin Abdullah, Metodologi Dakwah kepada Muslim, non-Muslim dan Saudara Kita, dan Ustaz Norhaza Ahmad Redzuan bin Abdullah, Kepimpinan dan Kemahiran Komunikasi Daie. Turut diadakan perkongsian dari Ustaz Fadlullah bin Abdullah tentang Pengalaman Berdakwah kepada Masyarakat Pedalaman.

Peserta kursus terdiri daripada kakitangan kerajaan, swasta dan NGO seperti Unit Saudara Kita, Institut Jantung Negara, Harakah Islamiah (HIKMAH) dan lain-lain.





KURSUS MINDA

Sejahtera

3 Mac 2022 - IKMAS sekali lagi berjaya menganjurkan Kursus Minda Sejahtera selama dua hari bertempat di Dewan Serbaguna dan Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2.

Tujuan kursus ini ialah untuk menangani stress yang kian meningkat jumlahnya di era pandemik, menyejahterakan minda peserta, memberikan latihan untuk mengatasi masalah, cara membina keceriaan dalam kalangan penjawat awam dalam sesuatu jabatan dan mengaplikasikan sains kognitif dalam penyelesaian masalah.

Penceramah jemputan kursus adalah YBrs. Dr. Edris bin Aden dan YBrs. Dr. Rusli bin Ahmad dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).



KURSUS BUDAYA KERJA CEMERLANG

10 Mac 2022 - IKMAS telah menganjurkan Kursus Budaya Kerja Cemerlang bertempat di Dewan Serbaguna, IKMAS Kampus 2.

Kursus ini terbahagi kepada tiga slot. Slot pertama bertajuk 'Pembentukan Sikap dan Budaya Kerja Cemerlang' yang disampaikan oleh YBrs. Encik Muhammad Husahari bin Jamel. Slot kedua dan ketiga pula disampaikan oleh YBrs. Encik Hishamuddin bin Hajmi bertajuk 'Komunikasi Efektif' dan 'Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan'.

Tujuan penganjuran kursus ini ialah untuk membentuk sikap positif, motivasi dan kerjasama sesama kakitangan dan memahami konsep dan kepentingan budaya kerja cemerlang.



Bengkel Semakan Kurikulum Diploma Dakwah Islamiyyah

8 April 2022 - Unit Jaminan Kualiti IKMAS telah mengadakan Bengkel Semakan Kokurikulum Diploma Dakwah Islamiyyah selama tiga hari iaitu bermula pada 6 hingga 8 April, bertempat di Dewan Kuliah 9 IKMAS Kampus 2.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 36 orang pensyarah IKMAS dari pelbagai bidang seperti Usuluddin, Syariah, Dakwah, al-Quran dan as-Sunnah, Pengajian Am, Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab.

YBhg. Prof Madya Dr. Ermy Azziaty binti Rozali, Timbalan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaku fasilitator telah membimbing, memberi nasihat dan cadangan penampaikan bagi kurikulum yang hendak dibangunkan demi memantapkan lagi pelaksanaannya pada masa akan datang.



SEMINAR MENANGKIS FAHAMAN LIBERAL



26 Mei 2022 - Seminar Menangkis Fahaman Liberal bertempat di Auditorium Al-Wadi IKMAS Kampus 2, telah berlangsung dengan jayanya.

Penceramah jemputan bagi seminar ini ialah Dr. Muhamad Faisal bin Ashaari, Pengurus Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tiga slot pengisian bagi seminar ini adalah "Pertentangan Tauhid Dengan Islam Liberal", "Perkembangan Jalur Pemikiran Yang Menyeleweng", dan "Menyanggah Pemikiran Liberalisme".

Seminar sehari ini telah dihadiri oleh seramai 145 orang peserta yang terdiri daripada pegawai institusi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pelajar dan masyarakat awam.





KEM KEPIMPINAN Mahasiswa IKMAS (KARISMA)



25 - 27 Februari 2022 - Bahagian Hal Ehwal Pelajar IKMAS dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan Kem Kepimpinan Mahasiswa IKMAS (KARISMA) bertempat di Kem Alapong, Lundu mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Tujuan penganjuran program ini ialah mendedahkan kepada peserta pengetahuan tentang agama dan kepimpinan Islam, mempertingkatkan kredibiliti dan kualiti pimpinan MPP IKMAS ke arah mencapai saf-saf kepimpinan Islam yang profesional serta berdedikasi tinggi, memantapkan gerak kerja secara berjemaah antara barisan pimpinan MPP IKMAS, menjadi medan kepada mahasiswa untuk bertukar pandangan, berdiskusi serta menyampaikan dan berkongsi idea tentang isu semasa kampus yang dibincangkan; dan melatih dan mananam sikap-sikap positif serta kemahiran insaniah dari aspek kepimpinan dalam diri setiap peserta dan ahli-ahli jawatankuasa program.

Ketua fasilitator bagi program ini ialah YBrs. Tuan Hj. Raduan bin Tuah manakala YBrs. Encik Kamaruddin bin Drahman sebagai jurulatih. Turut hadir bagi merasmikan majlis penutupan program ini ialah YBrs. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS, YBrs. Tuan Hj. Raduan bin Tuah, Pengurus Kem Alapong dan Ustaz Abdul Rahim bin Othman, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

PENDAFTARAN KURSUS PELAJAR SEMESTER 2 DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH DI CENTRE OF TECHNICAL EXCELLENCE (CENTEXS), KUCHING

17 Mei 2022 – Seramai 55 orang pelajar semester 2 dari Diploma Dakwah Islamiyyah telah mewujudkan pendaftaran kursus di Centre of Technical Excellence (CENTEXS), Kuching. Beberapa orang kakitangan dari Bahagian Akademik yang diketuai oleh Ustaz Shahril bin Othman telah mengiringi para pelajar ke CENTEXS, Kuching.

Para pelajar ini digalakkan untuk mengambil kursus kemahiran di CENTEXS selama dua bulan. Antara kursus kemahiran yang ditawarkan oleh pihak CENTEXS adalah Certified Digital Marketing Professional, Android Mobile Application Development dan FTTX OSP Hardware Installation. Kursus ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar memperoleh ilmu pengetahuan berkaitan latihan kemahiran dalam jurusan teknikal.

Diharapkan agar para pelajar dapat mengambil peluang ini sebaik mungkin kerana kursus yang ditawarkan oleh pihak CENTEXS seiring dengan keperluan semasa dan akan memudahkan para pelajar mendapatkan peluang pekerjaan pada masa akan datang.



Info Ramadan



Ceramah ambang Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Wan Muhammad Mujahid Bin Wan Alwi, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UNIMAS



Program Hospital Mesra Ibadah : "Malaysia Ngaji"
bertempat di Hospital Umum Sarawak



Program Jom Kacau "Buboq" dan pengagihan bubur lambuk kepada warga IKMAS sempena Ramadan

Program Kembara Ummah Ihya' Ramadan bersama komuniti di Zon Tengah yang melibatkan Bahagian Betong, Sarikei, Sibu, Daerah Saratok dan Meludam

Lawatan Kerja Agensi Luar Ke IKMAS



LAWATAN DELEGASI PERSATUAN PENGETUA SEKOLAH AGAMA MENENGAH NEGERI SELANGOR KE IKMAS YANG DIKETUAII OLEH TUAN HAJI ZAINOL ARIEFIEN BIN MOHD JAID, YANG DIPERTUA PERSATUAN PENGETUA SAM NEGERI SELANGOR



LAWATAN MUHIBBAH HIDAYAH CENTRE FOUNDATION KE IKMAS YANG DIKETUAII OLEH YBRS. ENCIK FATHURAHMAN BIN OTHMAN, PENGURUS HIDAYAH CENTRE FOUNDATION SARAWAK CAWANGAN KUCHING



LAWATAN KERJA LEMBAGA KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM SARAWAK KE IKMAS YANG DIKETUAII OLEH YBRS. ENCIK MUHD MUSTAQIM BIN HASIN, PEGAWAI SAHSIAH, KOMPLEKS KEBAJIKAN JUMA'ANI TUNKU HAJI BUJANG, SIBU

Kunjung Hormat IKMAS Ke Agensi Luar



KUNJUNG HORMAT KE CENTRE OF TECHNICAL EXCELLENCE SARAWAK (CENTEX) YANG DIKETUAII OLEH USTAZ ABANG ZAINAL ABIDIN BIN ABANG ARIFFIN, KETUA BAHAGIAN AKADEMIK IKMAS



KUNJUNG HORMAT KE UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK YANG DIKETUAII OLEH YBRS. ENCIK AINUDDIN BIN HAJI DOLHAKIM, KETUA SEKTOR PENGURUSAN IKMAS



KUNJUNG HORMAT KE KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) YANG DIKETUAII OLEH ENCIK ABANG ZAINAL ABIDIN BIN ABANG ARIFFIN, KETUA BAHAGIAN AKADEMIK IKMAS



KUNJUNG HORMAT IKMAS KE JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK YANG DIKETUAII OLEH YBRS. ENCIK KAMALDIN BIN MOHD DAMIN, PENGARAH IKMAS

SUKMAS



PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON DI ANTARA STAF IKMAS DAN STAF YADIM SARAWAK



PROGRAM SANTAI BERSAMA ALUMNI IKMAS (FUTSAL) DI ARENA SUKAN, KUCHING SARAWAK



PERTANDINGAN BOLA JARING ANTARA RUMAH SUKAN IKMAS (KATEGORI LELAKI)



PERTANDINGAN BOLA JARING ANTARA RUMAH SUKAN IKMAS (KATEGORI PEREMPUAN)

Artikel Staf



Ahmad Azri bin Murad
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

أهمية التربية للفرد والمجتمع

التربية عصر هام جداً وفعال، سواء على المستوى الفردي وعلى المستوى الجماعي، فإن صلح الفرد صلح المجتمع، إذ إن المجتمع عبارة عن مجموعة من الأفراد الذين يرتبطون فيما بينهم بعلاقات مختلفة وهامة، وللتربية الحسنة أهمية كبيرة في العديد من الحالات نذكر منها:

- تساعد على تنشئة جيل حسن الأخلاق قادر على التعامل مع الإنسان على أساس أنه إنسان لا على أي أساس آخر، مما يرفع ويعلي من قيمة المجتمع ككل، وبحسن صورته وسمعته أمام المجتمعات الأخرى.
- تعطي الفرد قبولاً واستحساناً بين مجموعة الأفراد، فال التربية الحسنة تُصنّف على الإنسان أخلاقاً عالية، ومثالية جميلة.
- خط الدفاع الأول والأخير في وجه كل الشرور التي تعاني منها المجتمعات المختلفة، فكلما ارتفع مستوى التربية، كلما ارتفع مستوى الأخلاق، مما يعكس بشكل إيجابي على مستويات الجرائم في المجتمعات والدول؛ فالمجتمعات الأخلاقية تنخفض فيها الجرائم بشكل كبير.
- تجعل الفرد قادراً على العطاء والبذل بشكل أكبر، فالذى ينال قدرأً عالياً من التربية يكون على قدرة عالية من الإحساس بغيره من الناس الذي يعانون الأمرين بسبب المشاكل التي تعتريهم، فتراه يساعد هذا، ويأخذ بيد ذاك بكل صمت وهدوء.
- ترفع من سوية الإنتاج والعمل في الدولة، فالدولة التي يعيش على أراضيها مواطنون صلحاء، لن تعرف التراجع؛ فكل أيامها ستكون عبارة عن درجات لسلام الرقي والرفعة، وليس على سلم الهبوط والانحطاط.


هذه الأهمية للتربية لن تبرز في البيئات التي تعاني من عدم تحمل الأفراد مسؤولياتهم؛ فال التربية الحسنة وظيفة مشتركة بين كافة أفراد المجتمع، تبدأ التربية من المنزل فهو حجر الأساس الذي يبني عليه، فلو كان البيت صالحًا كان الفرد صالحًا، وبعد ذلك تأتي المدرسة، والأقارب، والجيران، والشارع، فكل هذه العناصر هامة جداً في عملية التربية؛ إذ إن كل واحد منها يؤثر بطرقه الخاصة على الفرد ويسحبه قيمًا معينة، ومن هنا فإنه يمكن القول أن التربية الحسنة لو سادت وانتشرت بين الجميع خرج أفراد صالحون، ولو حدث نعمٌ في مكان ما يتم تعويضه من مكان آخر وهكذا.

Selamat Datang



Ustaz Ahmad Azri bin Murad

Jawatan : Pensyarah Bahasa Arab
Tarikh Melapor Diri : 7 Februari 2022



Dr. Ahmad Muhammad Allam

Jawatan : Pensyarah Bahasa Arab
Tarikh Melapor Diri : 17 Mei 2022



Dr. Abdel Wars Muhammad

Jawatan : Pensyarah Usuluddin
Tarikh Melapor Diri : 17 Mei 2022



Puan Jetty Ahmad

Jawatan : Pembantu Tadbir N22
Tarikh Melapor Diri : 4 April 2022



**Cik Dyg Adlin Lina binti
Abang Hwan Zaini**

Jawatan : Personal MyStep N29
Tarikh Melapor Diri : 1 April 2022



**Cik Sharifah Khairunnisa
Binti Wan Alwi**

Jawatan : Personal MyStep N29
Tarikh Melapor Diri : 1 April 2022



**Encik Mohd Shazfiq bin
Sahmat**

Jawatan : Personal MyStep N29
Tarikh Melapor Diri : 1 April 2022



Encik Hirman bin Kassim

Jawatan : Personal MyStep N29
Tarikh Melapor Diri : 1 April 2022

Jasamu Dikenang



**Ustaz Muhammad Fadhli
bin Ahmat**

Jawatan :
Pegawai Hal Ehwal Islam S44
Tempat Berpindah : **Kementerian
Perdagangan Antarabangsa dan
Industri**



**Puan Nor Baizura
binti Ahmad**

Jawatan :
Pembantu Tadbir N19
Tempat Berpindah :
**Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Sarawak**



**Encik Muhd Asyraaf
bin Abdullah**

Jawatan :
Pemandu Kenderaan H11
Tempat Berpindah :
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Sarawak**

PUISI

Bersyukur II

Betapa ramai lancar menyebut syukur,
Namun pada akhirnya jatuh tersungkur.

Betapa ramai di siang hari berpesan syukur,
Namun di malam hari tak bisa tidur.

Betapa ramai yang mengajar erti syukur,
Namun sering gagal untuk bersyukur.

Betapa ramai yang tidak mahu bersyukur,
Akhirnya jiwanya hancur lebur.

Betapa ramai yang dipaksa untuk bersyukur,
Akhirnya berjaya menjadi manusia yang akur.

Berapa ramai yang tak tahu erti bersyukur,
Sedangkan di luar sana masih banyak yang kebulur.

Berapa ramai yang tak kenal erti bersyukur,
Sedangkan di pinggir sana masih ada yang tak dihulur.

Berapa sahaja jumlah mereka yang bersyukur,
Akhirnya menjadi orang yang masyhur.

Hamzani bin Ismail



TAKLIMAT DAN PERKONGSIAN PELAKSANAAN EKSA DARIPADA PIHAK MAMPU



KUNJUNG HORMAT KE SUARA SARAWAK



LAWATAN PENANDA ARAS EKSA KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



BENGKEL PENTAKSIRAN KERTAS SOALAN PROGRAM DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH



TAKLIMAT PENUBUHAN ALUMNI IKMAS TAHUN 2022



KURSUS INTENSIF SAUDARA KITA



PROGRAM BICARA ILMU: TABIR REJAB MENCARI YANG MUSTAJAB



PROGRAM INFLUENCER@JAPEN SARAWAK BERSAMA IKMAS



MESYUARAT PANEL PENASIHAT
DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH IKMAS



DAURAH KITAB PUASA QADA' DAN PUASA
SUNAT SYAWAL DAN KEUTAMAANNYA



KURSUS INDUKSI SISTEM LATIHAN DUAL
NASIONAL (SLDN)



BICARA KEWANGAN:
PLAN YOUR FINANCIAL



TEMUBUAL RTM BERSAMA IKMAS



PAMERAN DAN PROMOSI IKMAS DI BAHAGIAN
MIRI



PENAZIRAN AKADEMIK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRAAAT



LAWATAN KERJA IKMAS KE KOLEJ DAR
AL-HIKMAH

JUH MASUK IKMAS

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan Warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. Lulus Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing, mematuhi peraturan dan arahan.
6. Lulus ujian temuduga.
7. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
 2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - i. Bahasa Melayu
 - ii. Bahasa Arab
 - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiyyah
 - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
 - v. LULUS temuduga
- Atau
- vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

SYARAT KELAYAKAN MASUK SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan belum berkahwin.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang setara dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan SATU (1) kepujian dalam mana-mana pelajaran.
4. LULUS temuduga.

اینستیتیوت کماہیر ان اسلام ملیسیا سراوق
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Peti Surat 2867, Jalan Matang

93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082 - 843 477, 475

Faks: 082 - 843 440

ISSN 2785-8790



9772785 879003